

## **BERJUMPA DAN BERBUAL DENGAN “NABI BAHARU”**

# **INSAFLAH...! JIKA MAHU INSAF**

Terbit daripada percakapan-percakapan yang heboh lalu membawa kepada tersiarnya beberapa surat kiriman menyatakan bahawa ada seorang telah menurun roh Nabi besar kita Muhammad (SAW) dan sahabat-sahabatnya kepada diri kumpulan itu yang telah digelar oleh orang ramai sebagai “Nabi Baharu” maka saya dengan pelawaan dua orang sahabat saya telah mencari jalan berjumpa dan menyiasat perkara yang heboh itu untuk mengetahui bagaimana keadaan yang sebenarnya yang telah menjadi buah mulut di mana-mana tempat oleh sebab keadaan yang sedemikian itu, pada pandangan umum adalah sangat ganjil dan membawa kepada kesesatan yang nyata yang boleh meruntuhkan iman seseorang kepada mempercayai kebesaran Allah yang bersendi kepada Al-Quran dan Al-Hadis.

## **SIAPA DIA “NABI BAHARU”**

Sebelum meriwayatkan keadaan-keadaan orang itu dan tentang pengajaran dan pengetahuannya maka lebih dahulu molek diceritakan di sini tentang berita-berita yang terhebat di tempatnya di Lorong 31 di dalam mana seorang keluarga Arab yang kenamaan di sini telah “tersangkut” duri yang bisa itu. Pada awal minggu bulan Ramadhan telah diceritakan kepada saya bahawa keluarga orang Arab yang kenamaan itu telah tidak berpuas hati dengan apa yang telah terjadi dan dengan kerana itu mereka pun bersama-sama dengan orang kampung telah menyerbu beramai-ramai ke dalam rumah “Nabi Baharu” itu dan di sana mereka bertanya tentang keadaan-keadaan yang sebenar terutamanya tentang salah seorang daripada keluarga yang terbabit itu.

Khabarnya telah menerangkan iktikad-iktikad maka orang-orang itu lalu menunjukkan bukti memanggil salah seorang khalifahnya dan setelah tunduk memberi hormat lalu bertempik mengatakan dirinya “baginda Ali” dan kerana tempiknya sebegitu hebat sebahagian yang datang di situ bertempiaran dan menjadi tak tentu arah dan setengah-setengahnya yang duduk di bawah rumah pun lari dengan demikian penyiasatan itu pun putus.

Kemudian entah apa yang terjadi lebih kurang pada 10 hari bulan Julai maka “Nabi Baharu” itu pun kononnya berhijrah (berpindah) ke atas sebuah bukit yang digelarkan “Jabal Tur” yang terletak di kampung Ritih, kampung Melayu.

Setelah mengetahui yang ia telah “berhijrah” maka pada 13 hari bulan Julai dengan ajakan sahabat-sahabat saya yang tersebut kamu pun berikhtiarlah mencari di mana tempatnya dan setelah bersusah paya mendaki “Jabal Tur” itu maka kami pun berjumpa dengannya lalu kamu bawa turun di sebuah rumah di bawah bukit itu dan di sana kami pun mulalah berbual-bual untuk mengukur bagaimana pelajarannya, bagaimana iktikad dan setakat mana ilmunya.

Setelah saya perhati keadaan dan mukanya maka saya dengan tidak tertahan lalu bertanya: “Kalau saya tidak khilaf encik ini ada berjual asam garam di Pasar Canghi iakah?!” Setelah menoleh dan memerhati muka saya maka ia pun menjawab: “Ya, saya berjual asam belacan di Pasar Canghi..... dan sebelum habis perkataan itu kawan saya telah mulai menyampuk sehingga niatnya yang hendak bertanya di mana saya mengetahui itu pun terputus.

Setelah berbual-bual itu maka dapatlah saya mengambil kesimpulan keadaan itu begini. Namanya ialah Muhammad Tahir. Diperanakkkan di Pulau Embun berumur lebih kurang atau hampir kepada 50 tahun. Keadaan rupanya tidak berapa cerdas dan tidak berupa gagah bahkan keadaannya dan rupanya tidaklah boleh mempengaruhi atau menarik orang-orang terutamanya Bahasa Melayunya masih kuat pelat orang-orang Ambon bercakap Melayu. Ia datang ke Singapura pada tahun 1918 dan setibanya di sini ia menjadi kelasi kapal dan pernah juga berkerja dengan syarikat kapal



*A. Muhammad Tahir peranakkan Ambon yang telah dikatakan menurun roh Nabi Muhammad ke atasnya itu. Ia telah menafikan tuduhan-tuduhan itu.*

“City Line” yakni kapal luar dan ia pernah pergi ke Eropah dan Amerika dan juga pernah berkerja pada kapal Straits Steam Syif dan sebelum perang Jepun, menurut katanya ia pernah menjadi serang.

Apabila ditanya oleh sahabat saya daripada kitab apakah ia belajar dan kitab manakah pengambilannya maka ia menggelengkan kepalanya seraya menyatakan bahawa ia tidak ada mengambil atau membaca kitab-kitab – ia mendapat hanya daripada keturunan. Ia mengaku bahawa ia tidak mengeluari daripada ajaran-ajaran agama dan ia mengerjakan sembahyang dan seterusnya ia mengaku bahawa yang menjadi punca ialah kerana ia mengajar dan menjadikan sebab kononnya kedengkian orang-orang sekelilingnya dan sebab itulah yang menjadikan ia berpindah dari di situ.

Tatkala menjawab pertanyaan bagaimakah tentang pegangan-pegangan dan benda-benda pengajarannya, ia menyatakan bahawa yang diajarnya ialah berasas kepada “Awal ad-din makrifahullah” yang di-Melayukan atas maksud “Permulaan seseorang hendaklah mengenal dirinya, kemudian baru mengenal Allah” dan tiap-tiap manusia itu telah cukup sempurna kejadiannya dan dengan kesempurnaan itu maka semuanya ada kepada diri seseorang dengan tidak payah mencari keluar lagi

terutamanya untuk mengenal di antara diri seseorang dengan rohnya.

Seseorang telah mengetahui keadaan dirinya dan rohnya akan melihat cahaya rohnya sendiri (nur). Sampai di sini sahabat saya menoleh kepada saya dan berpandang-pandangan dan itu pun menyampuk dengan berkata: “Sepanjang pendapat kami bahawa tidak pernah kami belajar dan diajarkan melihat atau mengetahui cahaya roh diri sendiri dan oleh itu saya ingin hendak belajar bagaimana boleh melihat roh itu adakah ia kuning, merah atau hijau.”

“Nabi Baharu” itu nampak gelisah sedikit mendengar soal itu dan dalam pada itu saya menyampuk: “Berilah kami suatu kaedah atau amalan bagaimana caranya dapat melihat cahaya itu – apa yang diamalkan serta bagaimana syarat-syaratnya.”

Mendengar soal itu dengan tenang ia menjawab bahawa perkara ini tidak mudah dan perkara ini sulit dan ia adalah suatu rahsia. Yang demikian ini tidak boleh diajarkan kepada tiap-tiap seorang melainkan orang itu jiwanya bersih, tidak melakukan kejahanan.

“Oh! Rupanya ada perkara yang dirahsiakan” – sampuk sahabat saya yang meneruskan katanya: “Sepanjang yang kami belajar dan kami ketahui bahawa tidak ada satu pun barang yang dirahsiakan dan disembunyikan daripada diajarkan oleh Rasulullah (SAW) kepada umatnya – jadi saya hairan dan baharu sekarang mengetahui bahawa ada perkara rahsia di dalam agama yang diketahui hanya oleh beberapa orang sahaja.”

Dengan tenang ia menjawab dengan menyatakan bahawa pengetahuan ini hanya diketahui oleh Mufti Johor. Mendengar itu sahabat saya segera menyampuk: “Oh, Mufti Johor sahaja yang tau – ini di sini ada ‘cucu mufti Johor’ dan saya tahu mufti tidak mengajar kepadanya tentang cara ini.”

Sahabat saya, sebagai helah mengenalkan saya kepadanya datang dari Johor dan pangkat cucu kepada Mufti Johor; dan setelah mendengar perkataan sahabat saya itu maka iapun berbalik semula dan mengatakan bukan Mufti Johor sahaja yang tahu tapi banyak orang ramai tahu.

Walhasil di dalam percakapannya itu tidak ada satu ketetapan yang boleh dipegang yang semuanya adalah menunjukkan bahawa perdirian itu sudah tetap perdirian sesat terutamanya tatkala ia menerangkan berkenaan dengan zat Allah Subhanahu wa Taala yang tidak jauh daripada hukum tiap-tiap manusia yang dijadikan-Nya hujah bahawa dekatnya tidak berperantaraan. Untuk mengetahui sifat-sifat Allah itu oleh sebab itulah terlebih dahulu mengenal diri. Ia tidak mengetahui sama sekali tujuan kehampiran Allah kepada diri manusia itu ialah pada tentang ilmunya.

Dengan tujuan hendak menerangkan lebih jauh maka sahabat saya pun menghulurkan sebuah perukunan yang apabila ditunjukkan kepadanya ia menggeleng-gelengkan kepalanya dengan berkata bahawa tidak payah kerana ia tidak mengajar dari kitab dan di sinilah baharu kami mengetahui bahawa ia tidak tahu membaca dan menulis dan fahamlah kami bahawa harus yang demikian itu dijadikannya senjata bahawa ia ami dan mendapat ilmu daripada wahyu – La haula wala quwatta illa billah – pada hal tidak ada satu wahyu atau tidak ada sesuatu yang mengubah atau yang dapat meminda walau satu baris pun daripada kalimah yang bertulis daripada al-Quran yang mulia yang menjadi panduan kepada umat di dalam kehidupannya sehari-hari yang dilakukan dengan amalan dan dijalankan dengan kudrat yang diberi Allah kepada tiap-tiap makhluk supaya berusaha dan berikhtiar mendapat sesuatu dengan tenaga dan usaha sendiri sehingga menjadi contoh bahawa Rasullullah (SAW) berperang di dalam beberapa medan di dalam mana ada kalah dan menangnya dan tidak bergantung kepada semata-mata berserah oleh sebab manusia diberi berakal, berfikiran serta bertenaga untuk menjalankan ikhtiar dan supaya berupaya mengerjakan sesuatu dengan tenaga (kudrat) yang diberi kepadanya yang dengannya tiap-tiap orang yang berusaha kepada kebaikan akan mendapat balasan yang baik dan yang melakukan kejahanatan akan merasa balasan yang pedih dan dengan sebab itulah Tuhan telah menyatakan bahawa kejadian manusia itu adalah sempurna.

Orang yang pada pandangan saya telah sesat ini menerangkan bahawa seolah-olah ia berpegang kepada jalan tasawuf tetapi apabila ditanya maka ia menyatakan bahawa pegangannya hanya hakikat,

makrifat dan tarikat dengan tidak memasukkan syariat kerana syariat itu adalah perbuatan yang zahir jua dan yang tiga tadi ialah perbuatan menetapkan perdirian terhadap kepada Allah yang masing-masing orang itu masing-masing haluannya.

Beginilah halnya orang yang telah heboh dicakapkan san digelar “Nabi Baharu” yang menurut keterangannya bahawa sekarang telah mempunyai murid dua orang perempuan dan tujuh lelaki dan ia berpindah ke kampung Retih, di rumah baharu dan menurut keterangan seorang muridnya yang kanan yang berambut panjang, nampaknya peranakan India yang masih di dalam keadaan sakit menyatakan bahawa rumah itu hadiah daripada muridnya yang taat yang tinggal di situ juga.

Demikian inilah bagaimana keadaan-keadaan yang terjadi di dalam perjumpaan itu dan apabila saya tanya kepadanya tentang benarkah riwayat yang berkenaan dengan kejadian di Lorong 31 maka ia menafikan terus kejadian-kejadian itu dengan menyatakan: “Tidak menurun kepada saya roh Nabi Muhammad Alaihisalam.”

Sahabat saya bertanya kepadanya: “Benarkah bahawa tiap-tiap orang yang hendak belajar itu lebih dahulu minum air – Jika benar air apa?”

Benar! Saya beri air sejuk” – Jawabnya.

“Adakah diberi jampi atau dibacakan sesuatu ke atas air itu?” –tanya sahabat saya lagi.

“Ya! Saya bacakan Tabbat hingga akhir” – katanya.

“Eh itu sahajakah” – tanya sahabat saya dan ia menjawab: “Ya”

Setelah itu maka kawan saya menerpa kepadanya dengan mengatakan bahawa tidak pernah ayat itu dijadikan sesuatu jampi dan kemudian daripada kena terpa itu maka ia pun berputar-putar perkataannya dengan menyatakan bahawa sama juga dengan lain-lain ayat.

Daripada percakapan-percakapan kami dengan “Nabi Baharu” itu maka dapatlah saya mengambil kesan bahawa dengan menggunakan perkataan-perkataan yang biasa digunakan oleh ahli-ahli tasawuf seperti perkataan-perkataan tarikat, hakikat dan makrifat itu telah dijadikannya senjata untuk mengaburi dan menarik orang-orang yang tidak

(sambungan pada muka 37)

atau karangan orang lain yang telah dipungut atau diguntingnya dari surat khabar-surat khabar dan majalah oleh kerana berkenan akan cantiknya, maka jika sudi kiranya silalah kirimkan kepada penulis ini dengan menyebutkan siapa pengarangnya di mana telah tersiarinya dan bila tarikhnya. Penulis ini sanggup jadi penyunting atau “editor” menolong tapis dan pilih dan mengaturkannya bersama-sama pilihan yang lain, kemudian akan dicapkan (dengan tulisan rumi insya-Allah) serta dengan menyebutkan nama pengarangnya itu masing-masing bersama-sama sedikit tarikhnya jika munasabah. Allahhumma qu lugtana wada bina amin!

Tikar pucuk tikar mengkuang

Alas nikah Raja Melayu;

Ikan busuk jangan dibuang

Buat perencah daun kayu.

[Bagagian yang ketiga: Karangan cerita wayang]

---

(sambungan dari muka 5)

berpengetahuan kepada yang bukan pada tempatnya dan yang demikian menjadikan sesat semata-mata terutamanya ia boleh melihat bagaimana cahaya rohnya sendiri dan sebagainya serta mendapat ilmu dengan “wahyu” – mengikut katanya itu.

Oleh yang demikian orang yang semacam ini jauh daripada boleh menjadi ikutan dan saya percaya, melihat kedegilannya, orang ini tidak pun boleh dibawa berhujah ke tengah, jika sekiranya ahli-agama atau ulama hendak membawa berhujah.

Sedangkan perkataan-perkataan hakikat, makrifat, tarikat dan syariat itu iaitu perkataan-perkataan yang digunakan oleh ahli-agama tasawuf inipun telah dibantah oleh sebahagian orang yang berpegang semata-mata kepada asas-asas yang terang dengan mengatakan bahawa menurut pendapatannya bahawa kalimah-kalimah yang tersebut tidak dikenal pada zaman Nabi, zaman sahabat, zaman Tabi'in dan mereka memandang bahawa dengan salah bawaan pada masa akhirnya langkah-langkah itu telah melalikan umat lalu mereka meninggalkan dunia.

Pada pandangan mereka sungguhpun maksud dan tujuan tasawuf itu mengajar umat Islam mengerjakan perintah-perintah Allah dengan ikhlas serta sopan santun tetapi tujuan itu telah terpesong kemudiannya sehingga pada permulaannya kaum itu

telah mendapat celaan yang kuat daripada ulama-ulama yang akhirnya dikatakan menuduh bahawa kaum tasawuf itu sesat.

Disebabkan pada masa itu ulama berpengaruh dalam pemerintahan maka mereka itu pun tak dapat mengembangkan ilmu tasawufnya dan terpaksa mereka itu menjalankan dengan bersembunyi dengan mengadakan tanda-tanda yang tertentu yang diketahui oleh golongan mereka sahaja. Orang yang diterima menjadi murid itu hendaklah dicuba terlebih dahulu dan diberi beberapa peraturan. Murid-murid itu mula-mula dinamakan penuntut, kemudian murid dan kalau sudah lulus dalam ujian dinamakan salik.

Oleh kerana itu terjadilah beberapa perkara yang tidak menjadi maksud orang yang mula-mula mendirikan tasawuf itu dan berlaku pula perbuatan itu bersalah dengan perintah-perintah Allah seperti mereka itu menetapkan asas bahawa murid itu hendaklah mengikut perintah-perintah gurunya sekalipun perintah itu Nampak bersalah dengan perintah Allah dan Rasul-Nya. Dengan kerana itu mereka itu sangat-sangat memuliakan guru mereka dan apabila guru itu telah meninggal dunia maka mereka itu pun bersungguh-sungguh pergi ziarah ke kuburnya dengan menghabiskan wang yang banyak, dan Khalifah-khalifahnya yang mendapat “Ijazah” daripada gurunya itu mengadakan haul baginya dan di sinilah berlaku tipu muslihat kerana mengadakan haul itu dengan orang yang menjadi ketua yang pertama mengeluarkan surat-surat siaran kepada pengikut-pengikutnya yang setengah-setengahnya bertebaran di sana sini di dalam dunia menyatakan bahawa haul (kenduri) arwah Si Anu akan diadakan di tempatnya dan dengan kerana itu wang-wang pun dihantarkan untuk tujuan yang berudang di sebalik batu.

Dengan langkah-langkah itu lama kelamaan hiduplah keyakinan kepada pengikut-pengikut tadi bahawa guru atau arwah guru (kubur itu) “berdaulat” boleh memberi manfaat dan mudharat seperti mengiakan, menyembuhkan penyakit, menolak bahaya dan lain-lainnya dan sesudah itu mereka pakailah kalimah-kalimah hakikat, makrifat, tarikat, dan syariat yang maksudnya pada loghat sirat (perjalanan); ilmu (pengetahuan); punca atau kesudahan sesuatu atau asal sesuatu; Sunat-perjalanan atau aturan. Yang akhir ini ialah disebut pekerjaan-pekerjaan zahir oleh mereka seperti ibadat, berpuasa, sembahyang dan lain-lainnya.